



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO

USAHAWAN

Edisi 31 (Jan - Jun 2024)

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

ISSN 1823-6421



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED
UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Keusahawanan dan Penggunaan AI (Kecerdasan Buatan)

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Malinjasari Ali, Ruzaidah Sulong@A.Rashid, Raslina Mohamed Nor, Hasmida Mohd Noor dan Noor Hafiza Mohammed

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

Emel Koresponden: suzilamsalleh@uitm.edu.my

Keusahawanan menggunakan kecerdasan buatan (AI) sangat dikenali di serata dunia namun iasemakin popular di Malaysia sejak kebelakangan ini. Teknologi kecerdasan buatan (AI) merupakan simulasi kecerdasan manusia yang digerakkan oleh mesin. Namun, kecerdasan buatan (AI) atau dikenali sebagai Artificial Intelligence) telah menjadi fokus utama di Malaysia dengan beberapa langkah strategik telah dilakukan untuk memperkukuhkan kewujudannya. Antara inisiatif yang telah dilakukan dalam konteks keusahawanan AI di Malaysia termasuklah "Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Kebangsaan 2021-2025". Pelan ini diwujudkan untuk membangunkan ekosistem inovasi AI dengan kolaborasi daripada kerajaan, industri, akademik dan masyarakat. Ia menggariskan 11 kes penggunaan AI dalam lima bidang keutamaan negara: pertanian & perhutanan, perubatan & penjagaan kesihatan, bandar pintar & pengangkutan, pendidikan, dan perkhidmatan awam. Terdapat kira-kira 121 syarikat yang berfokuskan AI telah diprofilkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sehingga Oktober 2023.

Berdasarkan laporan Norshahzura (2019) dalam artikel Sinar Harian, sebanyak 67 peratus pemimpin perniagaan dan 64 peratus pekerja meyakini bahawa kecerdasan buatan (AI) akan meningkatkan kualiti kerja mereka dan mengurangkan tugas-tugas yang dijangkakan akan berulang. Disebabkan keperluan AI dan perkembangan teknologi yang semakin pesat ini, beberapa syarikat e-dagang di negara ini telah mula menggunakan teknologi AI untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan efisiensi dalam jualan. Berikut adalah beberapa contoh penggunaan AI dalam keusahawanan Malaysia:

1. **Shopee Malaysia:** Shopee menggunakan chatbot bagi menyediakan sokongan kepada pelanggan untuk berkomunikasi dengan pelanggan secara efektif. Fungsi chatbot ini termasuklah auto-balas mesej, sokongan soalan dan robot chat untuk meningkatkan

kepuasan pelanggan.

2. **Grab Malaysia:** Grab menggunakan "Dynamic Pricing" untuk meramalkan permintaan pelanggan dan menyesuaikan harga secara dinamik. Model ini memberi ruang kepada pemandu secara adil apabila menghadapi keadaan yang tidak diduga seperti kesesakan lalu lintas atau cuaca buruk. Harga akan meningkat sekiranya permintaan tinggi.
3. **Carsome Malaysia:** Carsome menggunakan AI untuk menilai keadaan pasaran kereta yang dijual. Penilaian kereta dalam talian diperkenalkan untuk menentukan harga terbaik untuk kereta. Selain itu, terdapat beberapa syarikat lain di Malaysia yang juga memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) dalam operasi mereka.

Berikut adalah beberapa contoh syarikat gergasi Malaysia yang menggunakan kecerdasan buatan bagi memperkukuhkan lagi perkembangan syarikat mereka.

1. **Celcom Axiata:** Celcom menggunakan AI untuk menganalisis data pengguna dan menyusun plan langganan yang disesuaikan serta meningkatkan sokongan pelanggan.
2. **Bank CIMB :** CIMB Bank menggunakan teknologi kecerdasan buatan untuk meningkatkan proses pengesahan identiti pelanggan dan menganalisis corak perbelanjaan bagi penawaran perbankan yang lebih relevan.
3. **Boost eWallet:** Boost pula menggunakan kecerdasan buatan untuk menyusun tawaran yang disesuaikan dengan keperluan pengguna, membolehkan sistem insentif dan diskaun yang lebih efektif.

Secara kesimpulannya, keusahawanan AI di Malaysia menunjukkan perkembangan pesat dalam penggunaan kecerdasan buatan oleh syarikat tempatan dalam menawarkan ruang dan peluang untuk inovasi dan

pertumbuhannya. Dengan perkembangan positif ini, diharapkan teknologi dapat diintegrasikan dalam syarikat sekaligus membolehkan negara berkembang seiring teknologi terkini.

Rujukan

- [1] Augustin, S. F. (2021, September 14). How carsome became malaysia's largest tech unicorn – with a little help from a friend. Technode Global. Retrieved June 21, 2024, from <https://technode.global/2021/09/14/how-carsome-became-malaysias-largest-tech-unicorn-with-a-little-help-from-a-friend/>
- [2] Azmi, H. (2023, November 19). Manfaatkan teknologi kecerdasan buatan sebagai 'hamba' perusahaan anda. Astro Awani. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/manfaatkan-teknologi-kecerdasan-buatan-sebagai-hamba-perusahaan-anda-446632>
- [3] (n.d.). Boost bank officially launches its pioneering embedded digital bank app to malaysians. BoostBank. Retrieved June 21, 2024, from https://axiata.listedcompany.com/newsroom/Press_Release-Boost_Bank_Launch_20240606.pdf
- [4] Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (n.d.). Malaysia's national artificial intelligence (AI) roadmap 2021-2025. Portal Rasmi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.mosti.gov.my/berita/malaysias-national-artificial-intelligence-ai-roadmap-2021-2025/>
- [5] Mat Zuki, N. (2019, April 8). Teknologi AI dalam bisnes: Pemimpin perniagaan perlukan strategi budayakan ketangkasan kerja. Sinar Harian. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.sinarharian.com.my/article/22343/BISNES/Teknologi-AI-dalam-bisnes-Pemimpin-perniagaan-perlukan-strategi-budayakan-ketangkasan-kerja>
- [6] Nathan, L. (2018, July 26). The science behind Grab. The Malaysian Reserve. Retrieved June 21, 2024, from <https://technode.global/2021/09/14/how-carsome-became-malaysias-largest-tech-unicorn-with-a-little-help-from-a-friend/>
- [7] Othman, N. Z. (2022, August 15). CIMB boosts digital banking capability to meet customers' needs. New Straits Times Business Times. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.nst.com.my/lifestyle/bots/2022/08/822496/tech-cimb-boosts-digital-banking-capability-meet-customers-needs>

